

**PM lancar Klinik Usahawan Warga Industri 1Malaysia bersama Dr. Azizan Osman
23 Mac
Utusan Online
07 Mac, 2013**

SHAH ALAM 6 Mac - Satu program mengubah minda bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda supaya menjadi lebih positif dan berdaya saing untuk menaikkan taraf hidup akan diadakan di 10 lokasi seluruh negara mulai 23 Mac ini.

Program yang dikenali Klinik Usahawan Warga Industri 1Malaysia (KUW1M) itu akan melibatkan kerjasama pihak kerajaan dengan pakar motivasi potensi diri, Dr. Azizan Osman.

Pengarah program, Nazir Hussin Akhtar Husin berkata, program yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu menyasarkan golongan muda terutama dalam kalangan lebih tiga juta pekerja kolar biru.

"Program ini merupakan inisiatif baru kerajaan bagi membantu menaik taraf hidup golongan muda dan dilaksanakan oleh Pertubuhan Kebajikan dan Rekreasi Richworks Group Sdn. Bhd. (Richwell) dengan kerjasama Dr. Azizan," katanya di sini semalam.

Katanya, selama lima tahun, Dr. Azizan berjaya membimbing lebih 300,000 peserta dengan ilmu keusahawanan sehingga melahirkan ramai jutawan muda menjadikannya paling layak untuk menjadi mentor kepada golongan muda.

"Rekod pencapaian Dr. Azizan membawa kepada beberapa pertemuan yang kemudiannya mencetuskan inspirasi bagi penganjuran program yang bermatlamat membuka minda rakyat untuk membaiki mutu hidup dan menikmati masa depan lebih sejahtera.

"Bukan semua orang atau pakar motivasi mampu untuk mengubah minda dengan satu kaedah yang ringkas seperti mana yang diterapkan Dr. Azizan," katanya selepas majlis pengumuman mengenai pelancaran KUW1M di ibu pejabat Richworks Group of Companies di sini semalam.

Nazir Hussin yang juga Pengerusi Sekretariat Pekerja Muda Pergerakan Pemuda UMNO berkata, program itu menyasarkan pembabitan sekurang-kurangnya 200,000 peserta yang terdiri daripada golongan muda terutama kalangan pekerja kolar biru.

"Jika kita dapat menarik 30,000 pekerja kolar biru untuk fasa pertama ini pun cukup sebagai permulaan baik untuk ke fasa berikutnya," jelasnya.

Menurut Nazir Hussin, langkah ini boleh dilihat sebagai satu lagi inisiatif Perdana Menteri dalam melaksanakan pembaharuan, iaitu transformasi dalam memanjangkan kemakmuran negara dengan mendahulukan rakyatnya.

"Matlamat kita ingin melahirkan lebih ramai jutawan bumiputera melalui pelbagai skim oleh kerajaan, geran dan bantuan perniagaan oleh agensi berkaitan.

"Tetapi untuk mencapai hasrat kerajaan itu apa yang paling utama sekarang bukannya geran tetapi individu itu sendiri yang memerlukan pendedahan dan pendidikan bagi menjalani transformasi minda dalam merealisasikan hasrat kerajaan," katanya.

Sementara itu, Dr Azizan menyifatkan usahasama itu sebagai satu penghargaan kepada seorang usahawan dan jurulatih kejayaan sepertinya, selain merupakan penghormatan besar daripada Perdana Menteri.

"Saya sedar tanggungjawab besar yang bakal digalas tetapi saya percaya keajaiban memang boleh berlaku," katanya.

Beliau berkata, adalah menjadi impiannya untuk membantu dan memberi sumbangan kepada negara melalui kelahiran usahawan muda dan membantu melonjakkan ekonomi bangsa.

KUW1M bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri di Dewan Wawasan Wisma PGRM pada 23 Mac ini.

Program itu kemudiannya akan diteruskan di Kompleks MITC, Ayer Keroh, Melaka (24 Mac); Hotel Grand Riverview, Kota Bharu (29 Mac) dan Bukit Gambang Resort, Kuantan, Pahang (30 Mac) sebelum ke SACC Mall, Shah Alam, Selangor (31 Mac).

Pada 5 April di Kolej Universiti Insaniah, Alor Setar; Sunway Carnival Convention Centre, Seberang Jaya (6 April); Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak (7 April); Dewan Tun Razak 1, PWTC (13 April) dan di- The Zone Expo & Exhibition Centre, Johor Bahru (14 April).

Pendaftaran secara percuma boleh dibuat menerusi www.beraniberniaga.com selain bagi mendapatkan maklumat dan memilih lokasi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130307/dn_30/PM-lancar-Klinik-Usahawan-Warga-Industri-1Malaysia-bersama-Dr-Azizan-Osman-23-Mac